

Lesen peniaga dibatal, gantung jika sewa premis kepada warga asing

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membatalkan atau menggantung sementara lesen peniaga di Jalan Silang di sini, yang didapati melanggar peraturan perniagaan dengan menyewakan premis mereka kepada warga asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, lesen yang diberikan kepada pemilik haruslah digunakan sebaik mungkin, bukannya diberikan kepada warga asing untuk berniaga.

"Jadi, saya sedang mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenainya... ia juga adalah antara tumpuan utama DBKL dalam membanteras lambakan peniaga warga asing yang terus menguasai lokasi perniagaan utama di ibu kota," katanya.

Dr Zaliha berkata demikian kepada pemberita selepas



DR ZALIHA

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri 3, yang disempurnakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, pihaknya kini menunggu maklumat menyeluruh daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia yang telah melaksanakan operasi bersepadu itu di Jalan Silang pada Khamis.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam ucapannya berkata, program Rumah Harapan Kasih Kak Wan yang menyediakan kemudahan pengubahsuaian tanpa kos kepada penduduk terpilih bagi mengubah suai satu unit rumah, menunjukkan kerajaan komited meningkatkan lagi taraf hidup rakyat khususnya rakyat miskin bandar supaya dapat memperbaiki persekitaran rumah. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Aktiviti harian di Jalan Silang, Kuala Lumpur berjalan seperti biasa ketika tinjauan pada Jumaat.